

BERITA HARIAN

## Dr Mahathir nafi pernah mohon maaf

**K**ODIANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menafikan beliau pernah memohon maaf kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim di atas apa yang terjadi kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu, seperti yang diputar belitkan melalui satu klip video yang kini tersebar luas.

Dr Mahathir berkata, rakaman klip video ceramah itu bukan yang asli, sebaliknya ia sudah disunting sebagai satu propaganda politik untuk kepentingan peribadi.

"Itu adalah satu penipuan dan saya tidak pernah memohon maaf kepada Anwar," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perjumpaan Ramah Mesra Bekas Perdana Menteri di Kampung Golok Putin. Hadir sama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau ke kampung itu bagi membantu kempen anaknya, Datuk Mukhriz yang bertanding di kawasan Parlimen Jerlun pada pilihan raya umum kali ini.

Beliau yang sudah menonton klip video itu berkata, ia dirakam menerusi dua ceramah politik beliau dan satu daripadanya di Kelantan kira-kira dua tahun lalu.

"Dalam rakaman itu saya bercakap panjang tetapi dia (pembangkang) ambil yang pendek dan dia potong supaya bunyi kenyataan itu menjadi lain.

"Itu biasalah... pembangkang punya kerja, takkan parti kerajaan nak buat perkara macam ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah membuat permohonan maaf secara terbuka kepada Anwar kerana beliau langsung tidak ada rasa bersalah terhadap apa yang berlaku kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu.